

29/05/1999

Peluang pelaburan dalam dua sektor di Tunisia

KUALA LUMPUR, Jumaat - Tunisia, yang terletak di titik pertemuan timur dan barat Mediterranean, mempelawa syarikat Malaysia melabur dalam industri pelancongan dan elektronik negara itu.

Menteri Luarnya, Said Ben Mustapha berkata, Syarikat Malaysia juga boleh merebut peluang yang terbuka luas di sektor agro perniagaan dan infrastruktur.

Ketika ditemui pemberita selepas mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini, Mustapha berkata terdapat juga peluang bagi firma Tunisia di Malaysia, terutama dalam bidang pertanian.

"Kedua-dua negara menawarkan banyak potensi bagi pelabur," kata beliau.

Mustapha tiba di sini Rabu untuk lawatan rasmi tiga hari atas undangan rakan sejawatannya dari Malaysia, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau diiringi delegasi lapan anggota mengandungi pegawai Kementerian Luar Tunisia, Kementerian Perdagangan dan Kerjasama Antarabangsa serta Kementerian Pelaburan Luar.

Tahun lalu, jumlah perdagangan antara Tunisia dengan Malaysia ialah RM110 juta yang menguntungkan Tunisia.

Perdagangan luar Tunisia pada 1998 mencatatkan peningkatan eksport produk elektrik dan mekanikal 25.7 peratus, manakala eksport tekstil melonjak 10 peratus.

Eksport barangan oleh negara itu meningkat 6.2 peratus tahun lalu, sementara kadar inflasi ialah 3.1 peratus pada 1998, kadar paling rendah dicatatkan sejak 1972.

Mustapha berkata, Tunisia kagum dengan pembangunan pesat yang dicapai Malaysia dan menaruh harapan untuk mencontohi kejayaan pembangunan di negara ini.

Beliau menekankan perlunya memperkukuhkan hubungan dua hala dan kerjasama ekonomi.

"Tahap kerjasama ekonomi sekarang masih rendah dan kurang memenuhi kehendak kedua-dua negara," kata Mustapha sambil menambah, Suruhanjaya Bersama Tunisia-Malaysia akan bermesyuarat bagi merealisasikan potensi kedua-dua negara.

Sebelum itu, Said mengunjungi Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud.

Dr Sulaiman, memberitahu pemberita selepas pertemuan itu, Malaysia mungkin menambah pembelian baja fosfat dari Tunisia bagi memperluaskan penggunaannya dalam tanaman padi.

Bagaimanapun, katanya, keputusan pembelian itu bergantung kepada hasil kajian Jabatan Pertanian, kerana baja berkenaan kini hanya digunakan untuk tanaman sawit.

Menurutnya, baja fosfat juga baik bagi tanaman padi dan Tunisia menawarkan kepada Malaysia membelinya untuk diberikan sebagai subsidi kepada pesawah.

"Sebarang keputusan hanya akan dibuat jika kajian Jabatan Pertanian mendapati baja itu sesuai dan harganya berpatutan," katanya.

Dr Sulaiman berkata, Tunisia memberi jaminan untuk meningkatkan import lada, minyak kelapa sawit dan getah dari Malaysia.

Sementara itu, satu delegasi tiga anggota diketuai Gobenor Wilayah Sultan Kudarat di Minadanao, Filipina, Datu Pax Mangadadatu turut mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Anggota lain delegasi itu ialah Pembantu Presiden bagi Hal Ehwal Islam, Bai Putri Norhata M Alonto dan bekas Duta Filipina ke Nigeria, Datu Abul Khayr Alonto.

Pengerusi Kehormat Persatuan Persahabatan Mindanao-Malaysia, Datuk Yassin Noor, dan pengerusi Mara, Datuk Ruhanie Ahmad mengiringi delegasi pada pertemuan di Jabatan Perdana Menteri.

(END)